



BULETIN

EDISI 2 / 2024 JULAI - DISEMBER
MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN



LAWATAN INSPEKTORAT SISTEM PENARAFAN BINTANG - PIHAK BERKUASA TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN



PERTANDINGAN MEMANCING SEMPAENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KETIGA PENGISYTIHARAN MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN



BENGKEL KPI 2025 DAN PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN 2026-2030



PERBARISAN DAN PERARAKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-67 TAHUN 2024 PERINGKAT DAERAH PONTIAN



Majlis Perbandaran Pontian



www.mppn.gov.my

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Tuan Haji Ab Razak bin Khalid
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

PENASIHAT

Tuan Haji Tifla bin Mohd. Addi
SETIAUSAHA
MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

KETUA EDITOR

Khairunisah Binti Mazlan @ Alias
PENOLONG PEGAWAI TADBIR
UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT
MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

JURUFOTO

Shafiq Bin Ahmad Sakimin
(Pembantu Penguat Kuasa Gred KP1)

DITERBITKAN OLEH

Unit Perhubungan Awam dan Korporat
Majlis Perbandaran Pontian



KORESPONDEN

Jabatan Khidmat Pengurusan

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

Jabatan Kejuruteraan Bangunan

Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap

Jabatan Kewangan

Jabatan Kesihatan Awam

Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan

Jabatan Pembangunan Masyarakat

Unit Pusat Setempat (OSC)

Unit Undang - Undang

Unit Audit Dalam

Unit Perhubungan Awam dan Korporat

TAKLIMAT PELEBARAN & PELUASAN KAWASAN BERCUKAI

MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

1 OGOS 2024 | KHAMIS

Taklimat Pelebaran dan Peluasan Kawasan Bercukai Majlis Perbandaran Pontian kepada Penghulu dan semua Ketua Kampung Daerah Pontian telah diadakan di Dewan Muafakat Taman Saujana, Pontian.

Taklimat ini bertujuan untuk memberi penerangan berkaitan Peluasan dan Pelebaran Kawasan Bercukai MPPn yang sedang dalam proses pengenaan secara berfasa.

Taklimat utama disampaikan oleh Tuan Haji Muhamad Faisal bin Haji Othman, Pegawai Penilaian MPPn dan turut dihadiri oleh Encik Tifla bin Mohd Addi, Setiausaha MPPn dan Ketua-ketua Jabatan MPPn untuk memberi penerangan berkaitan peranan dan perkhidmatan yang disediakan di dalam kawasan bercukai MPPn. Taklimat ini dirasmikan oleh Tuan Haji Ab Razak bin Khalid, Yang Dipertua MPPn.



TAKLIMAT PELUASAN KAWASAN BERCUKAI, MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN FASA 1 BAGI KAWASAN PONTIAN



22 SEPTEMBER 2024 | AHAD

Majlis Perbandaran Pontian telah mengadakan Program Town Hall Taklimat Peluasan Kawasan Bercukai, Majlis Perbandaran Pontian bagi kawasan Pontian pada 22 September 2024. Taklimat diberikan kepada pemilik di kawasan Pontian Besar, Parit Ibrahim, Kampung Permata, Kampung Sri Mahkota dan Parit Semerah.

Townhall ini bertujuan untuk memberi taklimat, penerangan dan sesi soal jawab berkaitan peluasan kawasan bercukai MPPn kepada penduduk dan pemilik harta di kawasan yang terlibat. Penerangan berkaitan perkhidmatan oleh MPPn telah diberikan oleh Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, dan pihak SWCorp.



PELUASAN KAWASAN BERCUKAI, MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN FASA 1 BAGI KAWASAN PONTIAN DAN PEKAN NANAS

20 OKTOBER 2024 | AHAD

Majlis Perbandaran Pontian telah mengadakan Program Town Hall Taklimat Peluasan Kawasan Bercukai, Majlis Perbandaran Pontian bagi dua kawasan yang melibatkan kawasan Pontian (Jalan Johor, kawasan Rimba Terjun hingga Kukup), untuk sesi pagi, dan kawasan Pekan Nanas untuk sesi petang.

Townhall ini bertujuan memberi taklimat, penerangan dan sesi soal jawab berkaitan peluasan kawasan bercukai MPPn kepada penduduk dan pemilik harta di kawasan yang terlibat. Penerangan berkaitan perkhidmatan oleh MPPn telah diberikan oleh Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, dan pihak SWCorp. Program Town Hall Peluasan Kawasan Bercukai, Majlis Perbandaran Pontian telah dihadiri oleh Tuan Haji Ab Razak bin Khalid, Yang Dipertua MPPn. Turut hadir, Encik Tifla bin Mohd Addi, Setiausaha MPPn, Ahli-ahli Majlis, dan Ketua-ketua Jabatan MPPn.



MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI BULAN DISEMBER DAN MAJLIS PENGHAYATAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN



12 NOVEMBER 2024 | AHAD

Majlis Perbandaran Pontian telah mengadakan Majlis Perhimpunan Pagi Bulan Disember dan Majlis Penghayatan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang melibatkan semua kakitangan MPPn. Majlis dimulai dengan Sesi Pemeriksaan Kawalan Kehormatan oleh Yang Dipertua MPPn dengan diiringi oleh Setiausaha dan Pegawai Tadbir di Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan. Kawalan Kehormatan diketuai oleh Encik Muhammad Shairazi bin Abdul Majid telah melaporkan keanggotaan penuh Anggota Penguat Kuasa MPPn seramai 21 orang.

Semua warga MPPn juga telah melaksanakan senaman X-Break 15 minit sebagaimana saranan Kerajaan bagi mempromosikan gaya hidup sihat. Majlis seterusnya diteruskan dengan ikrar Aku Janji Penjawat Awam yang diketuai oleh Sr Haji Muhamad Faisal bin Othman, Pegawai Penilaian MPPn dan seterusnya ucapan Ybhg. Tuan Haji Ab. Razak bin Khalid, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pontian. Dalam ucapan, beliau menyatakan bahawa tarikh keramat iaitu 1 Disember 2024 sebagai tarikh penerimaan opsyen SSPA kepada semua warga MPPn setelah berada di dalam Sistem Saraan Malaysia selama 21 tahun. Beliau mengingatkan kepada semua warga MPPn untuk komited melaksanakan tugas, sentiasa berdisiplin dan berintegriti. Warga MPPn juga diingatkan untuk mewujudkan semangat kerja berpasukan "Team MPPn" untuk mengorak langkah bagi mencapai kejayaan yang cemerlang.



TAKLIMAT DAN EDARAN BORANG PENAWARAN OPSYEN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) BAGI KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN TAHUN 2024

21 OKTOBER 2024 | ISNIN

Jabatan Khidmat Pengurusan, MPPn telah mengadakan Taklimat Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) seterusnya edaran borang opsyen SSPA kepada kakitangan MPPn di Dewan Jubli Intan, Pontian. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Norazali bin Zainudin, Pegawai Tadbir di Jabatan Khidmat Pengurusan MPPn.

Tuan Haji Ab Razak bin Khalid, Yang Dipertua MPPn dalam ucapan pembukaan mengharapkan melalui taklimat yang diatitkan dan dilaksanakan ini dapat membantu menyakinkan serta memberi kefahaman yang jelas untuk proses pemilihan SSPA atau masih kekal dengan Sistem Saraan Malaysia (SSM). Ini bagi membolehkan warga MPPn membuat pilihan yang tepat untuk memilih opsyen SSPA atau SSM. Turut hadir ialah Encik Tifla bin Mohd Addi, Setiausaha MPPn, Ketua-ketua Jabatan dan Unit MPPn serta seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Pontian.





MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT DAERAH PONTIAN 1446 HIJRAH "AL-FALAH PEMACU MAJU JOHOR"

16 SEPTEMBER 2024 | ISNIN

Majlis sambutan dimulakan dengan perarakan dari Dataran MPPn ke Masjid Bandar Pontian seawal jam 8.00 pagi.

Majlis Perbandaran Pontian turut menyertai perarakan dengan penglibatan seramai 40 orang kakitangan segak berbaju Melayu berwarna biru. MPPn merangkul Naib Johan dalam kategori Perarakan Agensi Kerajaan.



MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN TAHUN 1446H / 2024M



03 OKTOBER 2024 | KHAMIS

Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Majlis Perbandaran Pontian telah diadakan bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Mulia, Nabi Muhammad SAW.

Majlis dimulakan dengan perarakan beserta selawat oleh seluruh kakitangan MPPn. Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian ceramah oleh Ustaz Solehudin Bin Md Jaafar bertajuk "Kelahiran Baginda Rasulullah SAW sebagai rahmat untuk seluruh alam".

Majlis diakhiri dengan bacaan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.



LAWATAN TURUN PADANG YANG DIPERTUA MPPn BAGI MENANGANI KES ADUAN HOTSPOT BANJIR

10 OKTOBER 2024 | KHAMIS

Ybhg. Tuan Haji Ab. Razak bin Khalid, YDP MPPn bersama kakitangan di Jabatan Kejuruteraan Bangunan dan pihak konsesi, Safwa Global Ventures Sdn. Bhd. telah membuat lawatan tapak bagi meninjau pelaksanaan kerja bagi menangani masalah banjir kilat di Taman Nong Chik.

MPPn berharap dengan usaha yang dilaksanakan ini akan dapat menangani masalah banjir kilat yang dialami oleh penduduk sekitar.

LAWATAN TURUN PADANG BAGI MENINJAU SITUASI BANJIR KILAT DI PEKAN NANAS, PONTIAN, JOHOR

14 OKTOBER 2024 | ISNIN

Tuan Haji Ab Razak bin Khalid, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pontian bersama Encik Tifla bin Mohd Addi, Setiausaha MPPn dan wakil jabatan dalam MPPn telah mengadakan lawatan turun padang ke Pekan Nanas bagi meninjau keadaan banjir kilat yang melanda kawasan tersebut. Lawatan ini bertujuan untuk mengenal pasti punca utama kejadian banjir kilat yang kerap berlaku di kawasan tersebut.

Semasa lawatan, Yang Dipertua dan rombongan telah melihat secara langsung kawasan yang terjejas termasuk:

- Sistem saliran yang tidak mencukupi untuk menampung jumlah air hujan yang tinggi.
- Kawasan rendah yang mudah dilanda banjir akibat aliran air yang tersekat.
- Infrastruktur yang rosak akibat banjir, termasuk jalan raya dan kawasan kediaman.

Hasil daripada lawatan ini, beberapa tindakan segera telah dibincangkan, termasuk:

- Membersihkan dan mendalamkan parit serta longkang untuk melancarkan aliran air.
- Menaik taraf sistem saliran di kawasan terdedah kepada banjir kilat.
- Meningkatkan kesedaran komuniti mengenai pengurusan sampah bagi mengelakkan saliran tersumbat.



PROGRAM LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN KE AGENSI ANGKASA MALAYSIA (MYSA)



11 NOVEMBER 2024 | ISNIN

Delegasi dari Majlis Perbandaran Pontian telah mengadakan lawatan ke Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dan disambut baik oleh Tuan Haji Azlikamil Bin Napiah, Ketua Pengarah MYSA serta Pegawai-pegawai Kanan MYSA.

Tujuan utama lawatan kerja diadakan adalah untuk mewujudkan kerjasama antara pihak Majlis Perbandaran Pontian dan MYSA dalam penggunaan teknologi "mapping" dengan cerapan terkini bagi pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang di Pihak Berkuasa Tempatan khususnya MPPn.

Harapan agar program lawatan ini dapat mencambah ilmu pengetahuan kakitangan MPPn dalam usaha untuk mengaplikasikan penggunaan teknologi di Majlis Perbandaran Pontian sekaligus memperkukuhkan hubungan dan kerjasama antara MPPn dan MYSA dalam memberikan yang terbaik kepada warga daerah Pontian.





OPERASI PENDIDIKAN PENGUATKUASAAN "ANTI LITTER" KE ARAH JOM PONTIAN BERSIH DAN INDAH

18 OKTOBER 2024 | JUMAAT

Satu operasi bersepadu pendidikan penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Pontian, Pejabat Kesihatan Daerah Pontian dan SWCORP Pontian pada 18 Oktober 2024 jam 8.30 malam.

Operasi dijalankan bagi bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada warga daerah Pontian agar tidak membuang sampah di merata-rata tempat. Dalam masa yang sama Pejabat Kesihatan Daerah Pontian memberikan teguran kepada warga daerah Pontian untuk tidak merokok di tempat awam serta mematuhi garis panduan penjual makanan.

Warga daerah Pontian terus diingatkan agar sentiasa menjaga kebersihan daerah, tidak membuang sampah di merata tempat, tidak merokok di tempat awam serta mematuhi tatacara peniaga jualan makanan.





MESYUARAT TEKNIKAL PBT-OSC DAN PLANMALAYSIA JOHOR BIL 02/2024 DI MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

16 OKTOBER 2024 | RABU

Mesyuarat Teknikal PBT-OSC dan PLANMalaysia Johor Bil 02/2024 telah dilaksanakan di Majlis Perbandaran Pontian yang telah dipengerusikan oleh Yang Berbahagia TPr Encik Saidin bin Lateh, Pengarah PLANMalaysia@Johor. Mesyuarat ini menghimpunkan kesemua Pegawai Perancang Bandar dan Desa serta Ketua Unit Pusat Setempat bagi seluruh negeri Johor.

Mesyuarat Teknikal PBT-OSC dan PLANMalaysia Johor diadakan setiap tahun sebagai platform bagi membincangkan isu-isu berkaitan perancangan, pelaksanaan Akta 172 di Pihak Berkuasa Tempatan serta sebaran dasar dan garis panduan.

Seusai mesyuarat telah diadakan lawatan tapak ke Projek Tenaga Baharu Solar Farm, Rimba Terjun dan Projek Perindustrian Janakuasa Arang Batu Tanjung Bin Power Plant. Turut hadir adalah Tuan Haji Ab. Razak bin Khalid, Yang Dipertua MPPn dan Encik Tifla bin Mohd. Addi, Setiausaha MPPn.





LAWATAN KERJA KE DEWAN TUNKU IBRAHIM ISMAIL, JALAN BESAR PEKAN NANAS, PONTIAN

14 OKTOBER 2024 | ISNIN

Lawatan kerja telah diadakan di Dewan Tunku Ibrahim Ismail yang terletak di Jalan Besar, Pekan Nanas, Pontian. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk meninjau keadaan semasa dewan serta membincangkan cadangan bagi menaik taraf kemudahan dewan tersebut.

- Keadaan fizikal dewan yang memerlukan penambahbaikan, termasuk bumbung, lantai, dan sistem pencahayaan.
- Kemudahan sokongan seperti tandas, bilik persalinan, dan sistem pengudaraan yang memerlukan peningkatan untuk memastikan keselesaan pengguna.
- Kapasiti dan susun atur dewan yang boleh dinaik taraf untuk menampung lebih banyak acara dan majlis pada masa akan datang.

Cadangan menaik taraf dewan termasuklah:

- Pembaikan dan penggantian struktur yang rosak,
- Penambahbaikan sistem pencahayaan dan pengudaraan,
- Meningkatkan kemudahan seperti tempat duduk, tandas, dan bilik persalinan,
- Mewujudkan ruang serbaguna yang lebih sesuai untuk pelbagai jenis acara komuniti, perniagaan, dan kebudayaan.

Turut hadir adalah Tuan Haji Ab Razak bin Khalid, Yang Dipertua MPPn; Encik Tifla bin Mohd Addi, Setiausaha MPPn; wakil dari Jabatan Kejuruteraan Bangunan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan Jabatan Kewangan.





KUNJUNGAN HORMAT SETIAUSAHA POLITIK MENTERI EKONOMI KE MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN DAN LAWATAN KE TAPAK PROJEK INISIATIF KEMUDAHAN RAKYAT



9 OKTOBER 2024 | RABU

Majlis Perbandaran Pontian (MPPn) telah menerima kunjungan rasmi daripada Setiausaha Politik kepada YB Menteri Ekonomi. Lawatan kerja ini bertujuan untuk meninjau pelaksanaan projek-projek di bawah Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) yang dilaksanakan di kawasan Pontian.

Taklimat khas telah diberikan mengenai perkembangan projek-projek infrastruktur yang dijalankan oleh MPPn, selain meninjau sendiri tapak-tapak projek yang menggunakan peruntukan IKR.

Lawatan tapak melibatkan projek-projek berikut:

- Menaik taraf pejalan kaki Jalan Ismail, Pontian
- Menaik taraf Perhentian Bas Pontian di Pusat Perdagangan Pontian

MPPn akan terus komited dalam meningkatkan perkhidmatan awam dan melaksanakan projek pembangunan yang memberi impak besar kepada kesejahteraan penduduk.





LENS M





HARI CUCI MALAYSIA 2024 PERINGKAT DAERAH PONTIAN

28 SEPTEMBER 2024 | SABTU

Program Pembersihan Mega serentak seluruh Malaysia bersempena World Cleanup Day 2024 dengan kerjasama Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan telah diadakan di sekitar kawasan Perhentian Pontian. Program ini melibatkan agensi kerajaan juga sekolah-sekolah, SWCORP /SWM, APMN daerah Pontian, NGO (SASTARI), Southern Volunteers, wakil-wakil komuniti serta penduduk setempat.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Haji Ab Razak bin Khalid, Yang Dipertua MPPn. Turut hadir ialah Encik Tifla bin Mohd Addi, Setiausaha MPPn, Tuan Haji Israk bin Abdullah, Ketua WHIP MPPn, wakil SWCORP dan SWM serta barisan Ahli Majlis.



SESI PENYERAHAN DOKUMEN DAN “TRANSFER KNOWLEDGE” PEMASANGAN SOLAR PANEL MELALUI “SUPPLY AGREEMENT FOR RENEWABLE ENERGY (SARE)” DI BANGUNAN MILIK MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

23 SEPTEMBER 2024 | ISNIN

Majlis telah mengadakan sesi taklimat “Transfer Knowledge” dan penyerahan serahan dokumen yang melibatkan MPPn, Permodalan Darul Ta'zim (PDT) dan United Solar Energy Malaysia USEM.

Pemasangan panel solar oleh pihak USEM melalui PDT ke atas bangunan milik Majlis Perbandaran Pontian (MPPn) adalah satu inisiatif tenaga hijau untuk menyokong kelestarian alam sekitar. Projek ini bertujuan untuk mengurangkan jejak karbon dan menjimatkan kos tenaga bagi bangunan-bangunan MPPn. Selain itu, ia seiring dengan usaha Kerajaan Negeri Johor melalui Pihak Berkuasa Tempatan dalam mempromosikan amalan tenaga boleh diperbaharui, sekaligus menyumbang kepada matlamat pembangunan mampan (SDG) di peringkat daerah.

Teknologi tenaga solar yang digunakan mampu menghasilkan tenaga elektrik bersih dan bebas pencemaran. Dengan pemasangan ini, MPPn dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga konvensional dan mempertingkatkan kecekapan tenaga di bangunan-bangunan miliknya. Inisiatif ini juga menjadi contoh terbaik kepada masyarakat dalam penerapan teknologi hijau yang mesra alam.





PERBARISAN DAN PERARAKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-67 TAHUN 2024 PERINGKAT DAERAH PONTIAN



31 OGOS 2024 | SABTU

Perbarisan dan Perarakan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 tahun peringkat daerah Pontian telah dilangsungkan di Stadium Mini Pontian.

Majlis di serikan dengan wakil rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor.

Sambutan dari warga daerah Pontian adalah sangat meriah dan menggalakkan dengan kehadiran pengunjung yang ramai. Para pengunjung teruja menyaksikan perbarisan dan perarakan.





LAWATAN INSPEKTORAT SISTEM PENARAFAN BINTANG - PIHAK BERKUASA TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

29 JULAI 2024 | ISNIN

Majlis Perbandaran Pontian telah menerima kunjungan Pasukan Inspektorat dari Jabatan Kerajaan Tempatan yang diketuai oleh Encik Marthandan a/I Yathamaniam, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Inspektorat JKT, Encik Mohammad Fazli bin Sahbudin, Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Perancangan Strategik&Antarabangsa KPKT, Encik Abdul Rahman bin Hussain, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Taman Pesekutuan JLN, Puan Shaziatul binti Mat Kasiri, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kemampanan Bandar & Persekitaran Hijau KPKT, Puan Noryati binti Kasim, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perunding Kejuruteraan Awam JKT dan Encik Mohd Shafarin bin Shaari, Penolong Pengarah, Bahagian Inspektorat, Jabatan Kerajaan Tempatan.

Penilaian SPB - PBT ini telah diperkenalkan oleh KPKT bagi menilai tahap prestasi PBT dalam pelbagai aspek perkhidmatan dan penyampaian peranan dalam perkhidmatan. Terdapat empat kriteria utama yang dinilai iaitu pengurusan, perkhidmatan-perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan serta penyertaan komuniti dan pandangan penduduk berdasarkan indikator-indikator yang telah ditetapkan.

Alhamdulillah, MPPn telah berjaya mengekalkan 5 bintang dalam sesi penilaian ini dengan peningkatan markah berbanding penilaian sebelum ini. Tahniah diucapkan kepada semua.





MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2023 DAN MERAIKAN PESARA BAGI MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN



11 JULAI 2024 | KHAMIS

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) MPPn pada tahun 2023 telah diadakan di Dewan Jubli Intan, Pontian dengan bertemakan pakaian Tradisional Melayu .

Majlis telah disempurnakan oleh Tuan Haji Ab Razak bin Khalid , Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pontian dan turut dihadiri oleh Encik Tifla bin Mohd. Addi, Setiausaha MPPn, serta seluruh keluarga warga kerja Majlis Perbandaran Pontian.

Seramai 16 orang penerima telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2023 manakala 5 orang kakitangan yang bersara turut diraikan dalam majlis yang sama.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada para penerima sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023 dan kesemua kakitangan Majlis Perbandaran Pontian atas khidmat bakti yang telah disumbangkan.



PERTANDINGAN MEMANCING SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KETIGA PENGISYTIHARAN MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

17 NOVEMBER 2024 | AHAD

Program Pertandingan Memancing telah diadakan di Pusat Perdagangan Pontian yang menawarkan hadiah wang tunai RM 20,000.00 sebagai hadiah utama. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri di Jabatan Kerja Raya merangkap Ahli Parlimen Pontian diiringi oleh Tuan Haji Kamalludin bin Haji Jamal, Pegawai Daerah Pontian dan Tuan Haji Ab Razak bin Khalid, YDP MPPn. Turut hadir adalah Tuan Haji Rudy Rizal bin Mohd Hanapi, Pentadbir Tanah Daerah Pontian, Ir. Sharudin bin Ismail, Jurutera Daerah JKR Pontian, Tuan Haji Md. Israk bin Abdullah, Ketua WHIP MPPn, Encik Tifla bin Mohd. Addi, Setiausaha MPPn serta barisan Ahli Majlis.



TANDAS AWAM

MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

SESI SERAHAN GERAI MPPn DAN SERAHAN KUNCI PENYEWAWA GERAI

5 NOVEMBER 2024 | SELASA

Sesi serahan gerai MPPn dan serahan kunci penyewa gerai MPPn telah diadakan pada 5 November 2024. MPPn telah menyediakan dan menaiktaraf beberapa kemudahan iaitu tandas awam di Terminal Bas Benut, Gerai Taman Benut Jaya, Benut, Gerai Jalan Abadi, Pontian dan Pasar Awam Permas bagi memastikan penduduk daerah Pontian dapat menikmati kemudahan fasiliti yang baik.

MPPn mengharapkan agar kemudahan yang telah disediakan ini dijaga bersama oleh warga penduduk daerah Pontian dalam memastikan bahawa kemudahan ini dapat dinikmati oleh semua.

Turut hadir dalam program adalah Tuan Haji Ab Razak bin Khalid, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pontian, Tuan Haji Md Israk bin Abdullah, Ketua WHIP MPPn serta Ketua-ketua Jabatan Majlis Perbandaran Pontian.





BENGKEL KPI 2025 DAN PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN 2026-2030

12 - 14 NOVEMBER 2024 | SELASA - KHAMIS

Majlis Perbandaran Pontian telah mengadakan Bengkel KPI 2025 dan Pelan Strategik 2026-2030 melibatkan semua Ketua Jabatan dan Unit. Objektif bengkel ini merangkumi semakan pencapaian Pelan Strategik dan Piagam Pelanggan 2021-2024 (Penggala Pertama), membangunkan KPI 2025 dan deraf awal Pelan Strategik MPPn 2026-2030.

Turut hadir dalam bengkel ini Tuan Haji Ab. Razak bin Khalid, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pontian, Encik Tifla bin Mohd. Addi, Setiausaha Majlis Perbandaran Pontian dan Tuan Haji Md Israk bin Abdullah, Ketua Whip Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pontian.





MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN
Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor Darul Ta'zim

Sebarang aduan boleh hubungi:

 **07- 687 1144**

 **019-7515383**

